

Praktis Pengukuhan 1

Tandakan (✓) pada ayat yang menggunakan kata pemerian **ialah** dan **adalah** yang betul dan tandakan (X) pada ayat yang menggunakan kata pemerian **ialah** dan **adalah** yang salah.

- 1 Ketua pengawas yang baru dilantik itu ialah Nazri bin Jamil.
- 2 Masalah yang saya hadapi ialah kesuntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah yang terlalu banyak.
- 3 Adalah diberitahu bahawa latihan kebakaran akan diadakan esok.
- 4 Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara kita.
- 5 Antara punca yang menyebabkan pencemaran sungai ialah sungai telah dijadikan tempat pembuangan sampah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- 6 Masalah sosial dalam kalangan remaja adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya.
- 7 Makanan seimbang dan bersenam adalah baik untuk kesihatan kita.
- 8 Bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada mangsa banjir adalah dari segi bantuan kewangan, pakaian, makanan dan ubatan.

Praktis Pengukuhan 2

Garisi kata pemerian yang betul.

- 1 Joshua (ialah, adalah) antara murid yang cemerlang dalam kelas saya.
- 2 Bersenam secara berkala (ialah, adalah) baik untuk kesihatan kita.
- 3 Buku-buku cerita ini (ialah, adalah) untuk dihadiahkan kepada kanak-kanak di Tadika Ceria.
- 4 Keputusan peraduan itu (ialah, adalah) tidak adil.
- 5 Hadiah wang tunai sebanyak RM500 itu (ialah, adalah) untuk pemenang Pertandingan Mencipta Slogan.
- 6 Istana Seri Menanti yang mempunyai nilai seni yang tinggi (ialah, adalah) antara bangunan warisan yang dipelihara di Malaysia.
- 7 Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor (ialah, adalah) angkasawan pertama Malaysia.
- 8 Makyung (ialah, adalah) persembahan cerita melalui tarian dan nyanyian.
- 9 Ketua pengawas itu (ialah, adalah) abang sulung saya.
- 10 Wanita yang berbaju kebaya biru muda itu (ialah, adalah) kakak sepupu saya.
- 11 Makanan seimbang (ialah, adalah) baik untuk kesihatan.
- 12 Hujah-hujah yang dikemukakan oleh peminat itu (ialah, adalah) sangat bernas.